

SISTEM ANTI BERITA PALSU

Wan Adibah binti Rosli

Ts. Dr. Khairul Azmi Abu Bakar

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Projek ini bertujuan untuk membangun sebuah sistem yang dapat memudahkan pengguna untuk membezakan berita palsu atau benar ketika penularan berita bergambar melalui laman sosial. Pada kebiasaannya, pengguna sering kali salah andaian ketika mendapat sesuatu berita bergambar di laman sosial dan terus membuat konklusi atau terus percaya mengenai isi dalam kandungan berita bergambar tersebut tanpa membuat usul periksa. Perkara ini dapat menyumbang kepada masalah iaitu menimbulkan kebencian sebelah pihak jika berita bergambar tersebut adalah palsu. Projek Sistem Anti Berita Palsu ini dibangun khas untuk pengguna yang mahu mengelakkan diri dan mengatasi penularan berita palsu dari berleluasa. Projek ini menumpu kepada pembangunan sistem untuk telefon pintar berasaskan Android sebagai sistem operasi. Pembangunan sistem ini dilaksanakan berdasarkan kaedah *Software Development Life Cycle (SDLC)* melibatkan lima fasa iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi dan fasa pengujian. Projek ini dibangun dengan menggunakan perisian Android Studio untuk menulis kod sumber berasaskan kod Java. Keputusan akhir projek ini adalah sebuah aplikasi yang akan dapat mengesahkan sesuatu berita bergambar yang telah dimuat naik oleh pengguna dalam sistem ini. Selain itu, projek ini akan mengelakkan pengguna daripada memuat naik gambar yang sudah ada di dalam sistem berulang kali.

1 PENGENALAN

Teknologi pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia bukan sahaja untuk mencari maklumat namun ia digunakan dalam proses komunikasi dan proses penyelesaian masalah dalam tugas.

Namun dalam kecanggihan sistem komunikasi moden, kita mengalami masalah baharu yang serius, iaitu penularan maklumat yang tidak tepat dan berita palsu. Segelintir pengguna tidak kisah mengenai kesahihan sesuatu berita itu sebelum dikongsikan kepada rakan-rakan. Hal ini telah mempengaruhi pengguna media sosial yang lain. Berita palsu ini boleh ditular dalam pelbagai bentuk terutamanya dalam bentuk imej gambar mahupun pesanan mesej.(3)

Penularan berita palsu ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di serata dunia. Meskipun perkara yang dikongsikan dianggap hanya sekadar gurauan atau mainan, namun orang awam yang membaca dan melihat maklumat berita tersebut belum tentu dapat membezakan kesahihan berita tersebut.

2 PENYATAAN MASALAH

Seringkali menjadi permasalahan mengenai penularan bagi rakyat Malaysia seperti masalah penularan berita palsu secara berleluasa di Malaysia. Oleh sebab itu, pengguna sukar untuk memastikan sama ada berita yang tular itu adalah berita benar atau palsu. Perkara ini juga boleh mendatangkan fitnah antara satu sama lain, mencetuskan kontrovesi dan menjatuhkan maruah pihak lain.


3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif utama yang dikenal pasti atas tujuan membangunkan projek ini adalah terdiri daripada:

1. Mencipta satu sistem bagi membolehkan pengguna membuat pencarian dalam berita benar.
2. Membangunkan satu sistem yang membolehkan pengguna melaporkan sebarang berita yang menjadi kekeliruan statusnya.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang akan digunakan dalam pembangunan projek ini adalah menggunakan Kaedah *Software Development Life Cycle (SDLC)*. Dengan menggunakan metodologi SDLC, ia dapat memastikan aliran kerja pada setiap fasa boleh diulang semula apabila terdapat perubahan yang hendak dilakukan secara terus pada setiap fasa. Metodologi ini memberi fokus yang lebih kepada respon pengguna terhadap perubahan yang harus dilakukan berbanding mengikut perancangan. Setiap aktiviti dilakukan secara berfasa bagi memudahkan pembangunannya. Fasa-fasa yang terkandung dalam *SDLC* ini adalah seperti Fasa Perancangan, Fasa Analisis, Fasa Rekabentuk, Fasa Implementasi dan Fasa Pengujian.



Rajah 1 Model pembangunan *Software Development Life Cycle (SDLC)*

4.1 Fasa Perancangan

Dalam fasa ini, penyelidikan, penganalisan, pengumpulan maklumat serta pemahaman mengenai projek yang ingin dibangunkan amat penting supaya dapat menepati objektif yang ditetapkan. Perancangan dan jadual yang lengkap juga perlu disusun agar tidak menghadapi masalah yang akan mengganggu kelancaran projek pada fasa-fasa seterusnya.

4.2 Fasa Analisis

Dalam fasa ini, lebih kepada menganalisis maklumat yang sedia ada supaya dapat dikenalpasti kesesuaian dan keperluan bagi membangunkan sistem yang dapat memenuhi kehendak pengguna. Analisis bagi penentuan perisai bagi sistem ini juga ditentukan bagi kesesuaian untuk membangunkan sistem ini.

4.3 Fasa Rekebentuk

Dalam fasa ini, melibatkan seni bina reka bentuk iaitu rupa bentuk perisian sistem tersebut. Prototaip antara muka sistem ini akan dilakarkan berdasarkan analisis yang telah dilakukan bagi memenuhi kehendak pengguna.

4.4 Fasa Pengujian

Fasa ini hanya melibatkan pengujian,penyelenggaraan serta pengimplementasian yang berkaitan dengan bertujuan menguji sistem yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan dan fungsi yang telah ditetapkan kepada pengguna.

5 HASIL KAJIAN

Projek yang telah dibangunkan ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pentadbir, pegawai dan pengguna. Pentadbir mengemaskini akaun pengguna dan pegawai di laman web. Pegawai pula mengesahkan gambar yang di muat naik oleh pengguna di laman web manakala pengguna memuat naik gambar dan membuat pencarian menggunakan hastag di mudah alih.

Sistem Anti Berita Palsu ini dibangunkan dengan menggunakan Android Studio dan Sublime Text sebagai perisian utama. Sistem ini juga menggunakan pangkalan data iaitu MySQL bagi menyimpan data-data yang telah dimasukkan oleh para pengguna. Dalam bahagian pengekodan ini, bahagian utama dalam sistem ini antaranya adalah halaman untuk pengguna memuat naik berita bergambar.



**SISTEM ANTI
BERITA PALSU**

Emel
ahmad@test.com

Katalaluan
...

LOG MASUK

Pegguna Baru? Klik SINI

.Rajah 2 Log Masuk

Rajah 2 menunjukkan halaman Log Masuk Utama bagi sistem pada awal proses bagi pengguna. Bagi pengguna yang tiada akaun, hendaklah klik “SINI” untuk ke halaman pendaftaran. Selepas Berjaya log masuk, pengguna akan ke halaman menu utama pada rajah 4



**SISTEM ANTI
BERITA PALSU**

Nama

Emel


Katalaluan

Pengesahan Katalaluan

DAFTAR

Rajah 3 Pendaftaran

Rajah 3 menunjukkan halaman pendaftaran pengguna setelah pengguna klik pada pautan “SINI” pada halaman log masuk bagi sistem ini. Setelah itu, pengguna hendaklah melengkapkan ruang yang kosong sebelum klik butang “DAFTAR”.




Rajah 4 Menu Utama

Rajah 4 menunjukkan halaman menu utama bagi pengguna sistem ini. Pengguna dibenarkan memilih untuk memuat naik gambar atau membuat pencarian berita bergambar dengan klik butang “LIHAT GAMBAR”. Bagi pengguna yang hendak memuat naik gambar perlulah klik butang “PILIH GAMBAR” dahulu untuk pemilihan berita bergambar serta mengisi ruangan “Hastag” untuk memuat naik. Gambar yang dipilih akan ditukarkan kedalam bentuk hash agar sistem dapat mengesan gambar yang dimuat naik tersebut sudah ada didalam sistem atau belum setelah pengguna klik “MUAT NAIK”.



Rajah 5 Pencarian berita bergambar



Rajah 6 Paparan berita bergambar

Copyright © FTSM

Harga Baru Bermula
23/1/2020

so siapa yang nak buat tapi nak murah
mca harga semalam promo CNY cepat2 buat
malam ni sebelum 11:30pm sebelum harga

berubah
special offer

WWW.Pakej Lesen Murah.my

Kereta (D)	RM2300
Kereta (D) & Motorikal (M)	RM2500
Kereta (D) & P Full	RM3500
Motorikal (M)	RM2000
Motorikal (P Full)	RM2400
Lori	RM2000
E.L.L	RM2000
PSV	RM2500

Lesen 100% ORIGINAL tanpa perlu pergi KELAS & TEST JPJ


BERMINAT? KAMI DI WHATSAPP 01116717456

whatsapp-01116717456
whatsapp-01116717456
whatsapp-01116717456

HASTAG : lesenMurah
MUAT NAIK : 2020-06-17
STATUS : Palsu
DISAHKAN : lesenMurah@gmail.com

Rajah 7 Halaman maklumat berita

Rajah 5 menunjukkan halaman pencarian berita bergambar bagi pengguna untuk membuat pencarian berita bergambar menggunakan kata kunci hashtag. Rajah.6 menunjukkan paparan berita bergambar setelah pengguna memasukkan kata kunci hashtag dalam halaman rajah.4. Rajah 7 menunjukkan halaman maklumat berita apabila pengguna klik mana-mana berita dalam senarai pencarian.




Rajah 8 Log Masuk Web

Rajah.8 menunjukkan halaman Log Masuk bagi sistem pada awal proses bagi pegawai dan pentadbir. Bagi pentadbir, setelah berjaya log masuk, akan ke rajah 9 manakala bagi pegawai pula akan ke rajah 10.



Rajah 9 Menu Utama (Pentadbir)



Rajah 10 Menu Utama (Pegawai)

Rajah.9 menunjukkan halaman menu utama bagi pentadbir dimana gambar yang belum disahkan akan dipaparkan .Rajah 10 menunjukkan halaman menu utama bagi pegawai, dimana pegawai dapat membuat pengesahan dengan klik “Pengesahan” dan akan ke halaman pengesahan berita bergambar pada rajah 11.

Ubah Suai Pengesahan Berita

ID


GAMBAR

HASTAG

STATUS Benar Palsu

Rajah 11 Pengesahan berita bergambar


Rajah 11 menunjukkan halaman untuk membuat pengesahan berita bergambar. Halaman ini hanya dapat diakses oleh pegawai sahaja.



Rajah 12 Senarai Berita (Pentadbir)



Rajah 13 Senarai Berita (Pegawai)



Rajah 14 Paparan maklumat berita bergambar

Rajah 12 dan Rajah 13 menunjukkan halaman senarai berita bergambar. Bagi pegawai di rajah 13 dibenarkan untuk ubah suai berita dengan klik pada butang “PILIH” dan akan pergi ke halaman pada rajah 11 mengikut id berita bergambar tersebut. Untuk melihat maklumat gambar, boleh klik pada nama hastag, dan maklumat berita bergambar akan dipaparkan seperti rajah 14

Cipta Akaun Pegawai

ID	<input type="text"/>
Nama	<input type="text"/>
Emel	<input type="text"/>
Katalaluan	<input type="text"/>
Pengesahan Katalaluan	<input type="text"/>
<input type="button" value="+Cipta Akaun"/> <input type="button" value="Padam"/>	

Senarai Pekerja

ID	Nama	Emel	Jawatan	
1	Adibah	adibah@gmail.com	pentadbir	<input type="button" value="Ubah Suai"/> <input type="button" value="Buang"/>
2	Amalina	amalina@gmail.com	pegawai	<input type="button" value="Ubah Suai"/> <input type="button" value="Buang"/>

< 1 >

Rajah 15 Mengemaskini akaun Pegawai

Rajah 15 menunjukkan halaman untuk pentadbir mengemaskini akaun pegawai. Pentadbir dibenarkan untuk mencipta akaun dan ubah suai akaun pegawai.

Senarai Pengguna

ID	Nama	Emel	
1	ali	ali@test.com	Ubah Suai Delete
14	ahmad	ahmad@test.com	Ubah Suai Delete

< 1 >

Rajah 16 Mengemaskini akaun pengguna

Rajah 16 menunjukkan halaman untuk pentadbir mengemaskini akaun pengguna. Pentadbir hanya dibenarkan untuk ubah suai akaun pegawai

ID	Gambar	Hashtag	Status	Tarikh Muat Naik	Pengguna	Tarikh Disah	Pegawai	Hash
141	141.png	lesenMurah		2020-06-17	ali@test.com			44833244853cc61bdf7669abae18176
142	142.png	ukmconfession		2020-06-18	ahmad@test.com			fdcb1e860b52f3c630e65a179fd2a040

< 1 >

Rajah 17 Senarai data berita bergambar

Rajah 17 menunjukkan halaman senarai data berita bergambar.. Pentadbir dapat melihat senarai data daripada pangkalan data.

6 KESIMPULAN

Melalui projek ini, banyak perkara baru yang telah dipelajari. Pada masa yang sama, ilmu-ilmu yang dipelajari telah banyak membantu dalam menayakan projek ini. Keupayaan untuk mempelajari benda baru telah menghasilkan kejayaan projek ini. Dari fasa pertama hinggalah fasa ini banyak perkara yang telah dipelajari. Pengurusan masa merupakan antara yang harus dititikberatkan untuk mengurus pelaksanaan projek.

Secara keseluruhannya, Sistem Anti Berita Palsu ini telah berjaya dibangunkan kerana telah mencapai objektif kajian projek ini. Walaupun terdapat beberapa kekangan mahupun kekurangan, sistem ini dapat beroperasi dengan baik. Diharapkan sistem ini dapat membantu

pengguna di luar sana dan penularan berita palsu dapat diatasi. Pada masa yang sama, melalui penggunaan sistem ini pengguna dapat mengelakkan daripada penularan berita palsu semakin berleluasa.

7 RUJUKAN

techopedia. (2018). Client/Server Architecture. Pada 21 November , 2018, dari <https://www.techopedia.com/definition/438/clientserver-architecture>.

Mehir Patkar. (2018). Avoid Fake News and Verify the truth with These 5 Sites and Apps . Pada 29 November, 2016, dari <https://www.makeuseof.com/tag/avoid-fake-news-verify-truth-sites-apps/>.

Bernamea. (2018) . Langgan ‘sebenarnya.my’ untuk dapatkan berita sebenar. Pada 1 February,2018 dari <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2018/02/01/langgan-sebenarnya-my-untuk-dapatkan-berita-sebenar/>